

## Zakat Selangor serlahkan keprihatinan

SEPANG - Seorang warga emas dari Kampung Meranti terharu menerima kunjungan wakil Zakat Selangor Daerah Sepang ke rumahnya, di sini semalam.

Abd Rashid Serap, 64, yang belum berkahwin dan tinggal sebatang kara di sebuah rumah pusaka uzur antara penerima asnaf miskin Zakat Selangor dan layak menerima bantuan hari raya sejak 2014.

Menurutnya, dia bersyukur apabila masih ada pihak membantunya selain menghargai usaha kakitangan Zakat Selangor menjejak golongan asnaf terus ke rumah.

Ketua Operasi Agihan, Mohd Nur Fadhi Yohman berkata, Zakat Selangor Daerah Sepang menangkis tanggapan masyarakat pihaknya tidak memproses permohonan daripada asnaf-asnaf layak terutama yang tidak keluar rumah.

Menurutnya selain dari



Wakil Zakat Selangor Daerah Sepang turun padang meninjau kehidupan Abd Rashid di rumahnya.

mencari, menerima dan memproses permohonan daripada asnaf-asnaf yang berhak, pihaknya juga berusaha menyampaikan perkhidmatan bantuan kepada mereka yang tidak dapat menerima maklumat secara langsung dari Zakat Selangor.

"Kami faham, akibat halangan hubungan dan komunikasi ada antara penerima yang tidak tahu bantuan telah ada dan tersedia. Justeru, bagi menangani situasi tersebut,


menjadi rutin pihak kami turun, cari dan santuni mereka agar tidak berlaku keciciran," katanya.

Katanya, pihaknya memang akan terus ke rumah-rumah asnaf supaya tiada isu tidak mendapat perhatian dari Lembaga Zakat sekali gus beri peluang melihat sendiri keadaan mereka terkini.

Katanya, beliau melihat inisiatif ini bantu meningkatkan perkhidmatan kerja mereka selain memupuk semangat prihatin.

## Sekolah taja sarapan murid

Inisiatif murni ini dapat sokongan ibu bapa



Sebahagian pelajar SMK Telok Panglima Garang menikmati sarapan pagi percuma yang ditaja oleh guru-guru sekolah mereka secara bergilir-gilir.

**TELOK FANGLIMA GARANG** - Program Jom Sarapan Bersama yang dicetuskan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Telok Panglima Garang sudah menaja kira-kira 1,337 pelajar sekolah berkenaan bersarapan pagi bersama di sekolah itu.

Pengetuanya, Salahuddin Hassan Jaba'le berkata, inisiatif pihak sekolah mengumpul dana untuk membantu pelajar kurang bernaib baik ini sebenarnya dapat sokongan ibu bapa apabila mereka mengakui kadangkala tidak sempat menyelesaikan sarapan pagi atau diahamkan tidak mampu.

Menurutnya, pernah beberapa kali pelajarinya pengsan ketika perhimpunan disebabkan tidak bersarapan sekali gus pihak sekolah merancang menganjurkan aktiviti itu.

"Walaupun program ini

untuk sesi pagi sahaja, kita membuat giliran memastikan setiap pelajar berpeluang bersarapan pagi secara percuma, program ini diharapkan dapat diadakan dengan melibatkan beberapa kali giliran untuk seorang pelajar sekiranya mempunyai tambahan tajaan.

"Murid sesi pagi sahaja berjumlah 1,759, dan seramai 422 pelajar lagi masih menunggu giliran atau masih belum merasa sarapan pagi secara percuma ini," katanya yang bangga apabila kakitangannya terutama guru-guru bermurah hati menaja makanan pagi setiap hari Rabu di sekolahnya.

Salahuddin berkata, program ini akan diteruskan lagi mendapat sumbangan daripada guru-guru dan pihak luar sampai bila-bila dan difahamkan setakat ini sahaja sumbangan daripada guru-guru sahaja lebih

**INFO** • Sarapan pagi percuma bابتان 1,337 pelajar.

kurang RM2,200, manakala sumbangan orang luar sebanyak RM760.

Katanya, beliau melihat pelajar-pelajarinya kini sudah memahami kepentingan sarapan sebelum memulakan pembelajaran selain menghargai sumbangan guru.

"Paling menarik mereka tertanti-nanti giliran mereka untuk sarapan bersama kawan-kawan dan guru-guru di sini pula dapat berbakti kepada anak-anak murid di luar bilik darjah dan inisiatif ini adalah lain dari kebiasaan. PIBG dan alumni juga dilihat dapat meningkatkan kesedaran untuk terus memberi kerjasama kepada pihak sekolah," katanya.

## PTPTN: Saran pencarum KWSP ganti semula akaun 2

**BANTING** - Pemuda Pas Kawasan Kuala Langat menyambut baik usaha Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menetapkan berkuatkuasa 21 Julai ini, lebih 70,000 pencarumnya boleh menggunakan simpanan akaun dua bagi menyelesaikan baki pinjaman pendidikan, tanpa mengira tarikh kuat kuasa perjanjian pinjaman pendidikan masing-masing.

Ketuanya, Mohd Hanif Jamaludin berkata, idea menggunakan simpanan KWSP sebagai langkah membayar hu-

tang adalah idea baik namun ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian.

Menurutnya, langkah diperkenalkan ini baik dari sudut pembayaran hutang tetapi akan beri kesan masa hadapan kepada pemilik akaun kerana wang KWSP bertujuan untuk kegunaan kehidupan selepas persaraan.

"Jika wang simpanan persaraan digunakan untuk tujuan lain dikehadapi beri kesan kepada kehidupan selepas persaraan kelak.

"Pendapat saya, peminjam perlulah menggunakan kaedah ganti semula wang yang digunakan da-

lam akaun KWSP dengan beberapa alternatif yang boleh diguna pakai," katanya mengulas mengenai pencarum KWSP boleh menggunakan simpanan Akaun 2 bagi menyelesaikan baki pinjaman pendidikan dalam Program Ziarah Aidilfitri ke rumah ahlinya di Batu 10, Sijangkang.

Mohd Hanif berkata, peminjam sebenarnya perlu mengelakkan diri daripada membayar penuh hutang tersebut dengan menggunakan 100 peratus daripada tabungannya KWSP.

Katanya, lebih baik menggunakan sebahagian daripada gaji mereka untuk bayaran balik pinjaman.

Sementara itu, bagi Penyelaras PeBT Sepang, Alyldham Alykallam berkata, pencarum KWSP khususnya golongan belia yang berniat untuk melalui proses ini supaya terlebih dahulu mendapatkan nasihat kewangan daripada pihak berkenaan.



Sebahagian Pemuda Pas Kuala Langat yang terlibat dalam Program Barisan di beberapa rumah ahlinya sekitar Kuala Langat.